

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Baca lembaran pendedahan produk ini sebelum anda bercadang untuk membeli Polisi Insurans Allianz Booster Care. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.)

Penyedia Khidmat Kewangan : Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad ("Allianz"/"Kami")
Nama Produk : Allianz Booster Care

1. Apa itu Allianz Booster Care?

Allianz Booster Care merupakan polisi insurans yang menyediakan pampasan bagi kemasukan hospital dan perbelanjaan pembedahan yang ditanggung disebabkan oleh kemalangan dan penyakit dilindungi di bawah polisi ini. Produk ini menawarkan 5 pelan dengan tahap deduktibel yang berbeza. Jumlah deduktibel adalah sebahagian daripada perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh Orang Yang Diinsuranskan sebelum sebarang faedah dibayar di bawah polisi ini. Perbelanjaan yang layak adalah terkumpul dari tahun polisi bagi tujuan pengiraan deduktibel. Produk ini juga menawarkan perlindungan penuh bagi rawatan di Singapura.

2. Apakah faedah yang disediakan?

Polisi ini melindungi:

Deduktibel* (setahun)	Pelan (RM)				
	30,000	40,000	50,000	70,000	100,000
Bilik biasa (sehingga 150 hari)					
Unit Rawatan Rapi (sehingga 150 hari)					
Bayaran Pembedahan					
Bayaran Pakar Bius					
Bilik Bedah					
Bekalan & Khidmat Hospital					
Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (harian sehingga 150 hari dan maksima 2 lawatan setiap hari)					
Ujian Diagnostik Pra-Hospital (dalam tempoh 60 hari)					
Rundingan Pakar Pra-Hospital (dalam tempoh 60 hari)					
Pendapat Kedua Pembedahan (dalam tempoh 31 hari)					
Cukai Barangan dan Perkhidmatan (bagi bekalan dan khidmat yang boleh dikenakan cukai)					
Rawatan Pesakit Luar Bagi Kemalangan Dan Kecemasan (termasuk rawatan susulan sehingga 31 hari dari tarikh kemalangan)					
Prosedur Penjagaan Harian					
Rawatan Kanser Pesakit Luar					
Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar					
Rawatan selepas Penghospitalkan (sah dalam tempoh 60 hari dari tarikh keluar hospital)					
Bayaran Ambulans (di jalan raya sahaja)					
Bayaran Laporan Perubatan					
Penjagaan Kejururawatan Di Rumah (sehingga 150 hari seumur hidup)					
Had Tahunan					RM 200,000
Had Seumur Hidup					RM 1,000,000

Seperti dicajkan
(Tertakluk kepada bayaran munasabah dan biasa diamalkan)

Nota:

(a) Sila rujuk kepada ciri-ciri penuh dan faedah dan skala dalam kontrak polisi

(b) Tempoh Perlindungan bagi setahun. Anda haruslah memperbaharui perlindungan insurans secara tahunan

3. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar ?

Jumlah premium yang perlu anda bayar adalah berbeza, bergantung pada pilihan deduktibel mengikut umur, pekerjaan, lokasi pekerjaan dan keperluan pengunderitan.

Premium Tahunan bagi Kelas 1 & 2

Lingkungan Umur (umur pada hari lahir akan datang)	Kadar Premium (RM)				
	Pelan 30,000	Pelan 40,000	Pelan 50,000	Pelan 70,000	Pelan 100,000
30 hari - 5 tahun	480	410	360	310	270
6 tahun - 25 tahun	370	320	280	240	210
26 tahun - 45 tahun	580	490	430	370	320
46 tahun - 55 tahun	1,000	830	730	620	530
56 tahun - 70 tahun	1,660	1,380	1,210	1,020	870
71 tahun - 80 tahun	3,820	3,170	2,770	2,320	1,980

Premium Tahunan bagi Kelas 3

Lingkungan Umur (umur pada hari lahir akan datang)	Kadar Premium (RM)				
	Pelan 30,000	Pelan 40,000	Pelan 50,000	Pelan 70,000	Pelan 100,000
6 tahun - 25 tahun	410	350	310	270	240
26 tahun - 45 tahun	650	550	480	410	360
46 tahun - 55 tahun	1,120	930	820	690	600
56 tahun - 70 tahun	1,870	1,550	1,360	1,140	980
71 tahun - 80 tahun	4,320	3,570	3,130	2,620	2,240

Nota:

- (a) Pemohon yang tinggal di Malaysia dan bekerja di Singapura akan dikenakan loading premium sebanyak 100%
- (b) Umur pembaharuan adalah dari enam puluh (60) tahun hingga lapan puluh (80) tahun
- (c) Kadar premium adalah tidak dijamin. Faktor yang menyumbang kepada peningkatan kadar premium adalah pada pelan tertentu, inflasi perubatan, lingkungan umur, lokasi pekerjaan dan keperluan pengunderitan. Walaubagaimanapun, pengalaman yang lepas tidak semestinya mencerminkan trend akan datang. Allianz akan memaklumkan Orang Yang Diinsuranskan secara bertulis sekurang-kurangnya dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum tempoh Polisi tahunan tamat bagi melaksanakan penyemakan kadar premium

4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar

Jenis	Amount
Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	15% daripada premium
Duti Setem	RM10
Cukai Perkhidmatan (hanya untuk polisi korporat)	6% daripada premium

Berikutan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), kami, syarikat insurans, akan mengenakan GST yang berkenaan untuk tempoh perlindungan yang berkenaan selaras dengan keperluan perundangan GST.

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

(a) Kepentingan pendedahan

- **Kontrak Insurans Pengguna**

Menurut Perenggan 5 Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans ini sepenuhnya bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dan/atau semua soalan-soalan yang dikehendaki oleh Allianz dengan penuh dan tepat dan mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda ketahui berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

- **Kontrak Insurans Bukan Pengguna**

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans bagi tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui sebagai berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

Kewajipan pendedahan ini bagi Kontrak Insurans Pengguna dan Bukan Pengguna akan berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui. Anda juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

- (b) Deduktibel ditakrifkan sebagai sebahagian daripada perbelanjaan yang harus dipertanggungjawabkan kepada Orang Yang Diinsuranskan sebelum apa-apa faedah boleh dibayar. Deduktibel adalah berasaskan polisi tahunan
- (c) Tunai Sebelum Perlindungan – Premium yang perlu dibayar haruslah dibayar dan diterima oleh Allianz sebelum permulaan perlindungan berkuat kuasa
- (d) Kelayakan – Orang Yang Diinsuranskan berumur di antara 30 hari hingga 80 tahun hari lahir yang akan datang.
- (e) Kelayakan/Tempoh Menunggu – kelayakan bagi manfaat di bawah polisi ini hanya akan bermula 30 hari selepas tarikh polisi berkuat kuasa, kecuali untuk kecederaan disebabkan kemalangan
- (f) Tempoh Bertenang – Orang Yang Diinsuranskan boleh mengembalikan polisi untuk pembatalan dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran polisi. Orang Yang Diinsuranskan layak menerima bayaran balik penuh ditolak belanja perubatan yang ditanggung
- (g) Orang Yang Diinsuranskan hendaklah memberi notis dengan segera kepada AGIC jika terdapat perubahan pada nama, jenis pekerjaan, perniagaan atau tempat kediaman
- (h) Perlindungan akan tamat pada tarikh luput dan Allianz langsung tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa perbelanjaan yang berlaku selepas tarikh luput melainkan polisi diperbaharui
- (i) PENYAKIT TERTENTU bermaksud hilang upaya berikut dan komplikasi yang berkaitan dengannya, yang berlaku dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari yang pertama bagi Orang Yang Diinsuranskan
 - Tekanan darah tinggi, kencing manis dan penyakit kardiovaskular
 - Semua ketumbuhan, kanser, sista, nodul, polip, batu dalam sistem kencing dan sistem hempedu
 - Semua penyakit telinga, hidung (termasuk sinus) dan tekak
 - Hernia, buair, *fistulae*, *hydrosele*, *varicosele*
 - Endometriosis termasuk penyakit sistem pembiakan
 - Gangguan vetebro-tulang belakang (termasuk cakera) dan keadaan lutut
- (j) Rawatan Luar Negara (tidak termasuk Singapura) untuk Penyakit, Sakit atau Kecederaan yang didiagnosis di Malaysia dan keadaan bukan kecemasan atau kronik di mana rawatan boleh ditangguhkan sehingga pulang ke Malaysia adalah dikecualikan

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kemasukan hospital atau caj yang disebabkan oleh kejadian berikut:

- (a) Penyakit Sedia Ada kecuali diisytiharkan oleh Orang Yang Diinsuranskan dan diterima oleh Allianz secara bertulis pada atau sebelum tarikh polisi berkuatkuasa
- (b) Penyakit Tertentu yang berlaku dalam tempoh satu ratus dua puluh (120) hari pertama bagi perlindungan berterusan
- (c) Apa-apa keadaan perubatan atau fizikal yang berlaku dalam tempoh tiga puluh (30) hari pertama perlindungan atau tarikh polisi berkuatkuasa semula bagi Orang Yang Diinsuranskan, mengikut mana-mana yang terkini
- (d) Pembedahan plastik/kosmetik, kecuali pembedahan rekonstruktif untuk memulihkan fungsi selepas kemalangan yang berlaku sepanjang tempoh Insurans, khatan, pemeriksaan mata, cermin mata dan pembetulan penglihatan dekat melalui pembiasaan atau pembedahan (Keratotomy Radial atau Lasik) dan penggunaan atau pemerolehan perkakas atau alat prostetik seperti anggota tiruan, alat pendengaran, pemasangan *pacemaker* dan sebarang perskripsi
- (e) Penyakit pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan oral kecuali apabila diperlukan kerana kecederaan akibat kemalangan pada gigi asli yang sihat yang berlaku sepenuhnya dalam Tempoh Insurans
- (f) Penjagaan peribadi, rehat pulih atau jagaan kebersihan, dadah yang tidak dibenarkan, intoksikasi, pensterilan, penyakit kelamin, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Kompleks Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan HIV dan apa-apa penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang
- (g) Apa-apa rawatan atau operasi pembedahan untuk keabnormalan atau kecacatan kongenital termasuk penyakit keturunan

- (h) Kehamilan, melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, menggugurkan kandungan dan jagaan serta pembedahan pranatal atau postnatal, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan ketidaksuburan, mati pucuk dan ujian atau rawatan berkaitan kemandulan
- (i) Penghospitalan terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-x, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis Hilang Upaya yang dilindungi yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh Pakar Perubatan, dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan;
- (j) Bunuh diri, percubaan bunuh diri atau mencederakan diri sendiri ketika siaman atau tidak siaman
- (k) Perang atau apa-apa tindakan perang, diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, aktiviti jenayah atau pengganas, bergiat cergas dalam mana-mana angkatan bersenjata, penyertaan secara langsung dalam mogok, rusuhan dan kekecohan awam atau penderhakaan tentera
- (l) Radiasi pengionan atau pencemaran radioaktif daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada apa-apa bahan senjata nuklear
- (m) Belanja yang ditanggung untuk menderma mana-mana organ tubuh oleh Orang Yang Diinsuranskan dan kos pemerolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika pemindahan organ dan komplikasinya
- (n) Penyiasatan dan rawatan gangguan tidur dan berdengkur, terapi penggantian hormon dan terapi pilihan seperti rawatan, khidmat atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada khidmat kiropraktik, akupunktur, akutekanan, refleksologi, pengikatan tulang, rawatan pakar herba, urut atau terapi aroma atau rawatan pilihan yang lain
- (o) Jagaan atau rawatan yang pembayarannya tidak diperlukan atau boleh dibayar oleh mana-mana insurans lain atau tanggung rugi yang melindungi Orang Yang Diinsuranskan dan Hilang Upaya yang timbul daripada tugas dalam pekerjaan atau kerjaya yang dilindungi di bawah Kontrak Insurans Pampasan Pekerja
- (p) Psikitik, gangguan mental atau saraf (termasuk apa-apa neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatik)
- (q) Kos/belanja bagi khidmat yang bersifat bukan perubatan, seperti televisyen, telefon, khidmat teleks, radio atau kemudahan yang serupa, kit/pek kemasukan dan barang bukan perubatan lain yang tidak layak
- (r) Sakit atau Kecederaan yang timbul daripada apa-apa jenis perlumbaan (kecuali perlumbaan jalan kaki), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada terjun di udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti yang melanggar undang-undang
- (s) Penerbangan peribadi selain sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana penerbangan komersil berjadual untuk mengangkut penumpang melalui laluan yang ditetapkan
- (t) Perbelanjaan untuk menukar jantina
- (u) Keganasan
- (v) Mana-mana Orang yang tinggal di luar Malaysia

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada syarikat insurans. Selepas pembatalan, anda layak mendapat bayaran balik premium berdasarkan skala tempoh singkat dengan syarat anda tidak membuat tuntutan ke atas polisi. Kadar skala tempoh pendek ini boleh didapati di dalam polisi.

8. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam kontak/maklumat peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Di manakah saya boleh mendapat maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans perubatan dan kesihatan, sila rujuk kepada buku info tentang 'Insurans Perubatan & Kesihatan' yang boleh didapati di semua cawangan kami atau boleh dapatkan salinan daripada ejen insurans atau layari www.insuranceinfo.com.my.

Untuk sebarang pertanyaan, hubungi kami di:

Allianz Customer Service Center

Allianz Arena



Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral


Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral

50470 Kuala Lumpur.

Allianz Contact Center: 1 300 22 5542

Email: customer.service@allianz.com.my

  AllianzMalaysia

 allianz.com.my

10. Lain-lain jenis Insurans Perubatan dan Kesihatan yang boleh didapati:

Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad(200601015674)
(Licensed under the Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia)



- (a) Allianz Care – Individual
- (b) Allianz Care –SMI

NOTA PENTING:

ANDA HARUSLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN AGEN ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah bermula 01/04/2020.